

# Warga Malaysia dari Wuhan dikuarantin 14 hari

BH - 30/11/2020

mls: 2

## Malaysia mohon bawa pulang segera 78 rakyat

Oleh Rohaniza Idris  
dan Hazwan Faisal Mohamad  
bhnews@nstp.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan sedia membawa pulang 78 rakyat Malaysia yang masih berada di Wuhan, China dengan segera, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Luar ditugaskan bagi memohon kebenaran China, untuk membolehkan kerajaan mengambil rakyat negara ini dari bandar raya itu yang kini ditutup susulan penularan coronavirus atau 2019-nCoV itu.

“Mereka (rakyat Malaysia) sekarang tidak boleh keluar dari Wuhan, tetapi kita ingin berbin-cang dengan Kerajaan China supaya rakyat kita yang tidak dijangkiti boleh pulang ke Ma-

laysia dengan pesawat.

“Sebelum ini, Kerajaan Jepun dapat membawa pulang rakyat mereka dari wilayah berkenaan selepas mendapat kebenaran dari China.

“Menteri Luar akan segera meminta kebenaran daripada Kerajaan China untuk membolehkan kita membawa masuk pesawat bagi membawa pulang rakyat kita,” katanya dalam sidang media khas selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, semua rakyat Malaysia itu jika dibawa pulang kelak, akan diperiksa dan disaring terlebih dulu sejeurus tiba di negara ini.

Katanya, jika ada bukti yang mereka dijangkiti coronavirus atau telah duduk dalam tempoh yang lama di sana, maka mereka akan dikuarantin di hospital kerajaan.

“Mereka semua boleh dikuarantin sehingga 14 hari, bagi memastikan kesihatan masing-masing tidak bertambah lebih bu-

ruk akibat coronavirus ini.

“Kita juga telah diberitahu, rakyat kita di sana berdepan kekurangan makanan apabila bekalan di Wuhan semakin menyusut. Malah ada yang mempunyai stok bekalan cukup untuk empat hari sahaja.

“Kita turut berminat membantu Wuhan. Jadi kalau dibenarkan hantar pesawat bagi mengambil rakyat kita oleh Kerajaan China, kita akan membawa makanan, sarung tangan dan topeng muka untuk diberikan kepada penduduk di sana,” katanya.

Mengulas keadaan kesihatan semua rakyat Malaysia yang berada di Wuhan ketika ini, Dr Mahathir berkata, setakat ini kesemua 78 orang disahkan tidak dijangkiti dengan coronavirus.

Amerika Syarikat (AS) dan Jepun semalam sudah membawa pulang rakyat masing-masing dari Wuhan, manakala beberapa negara Kesatuan Eropah (EU) dijangka melakukan tindakan sama dengan menggunakan dua pesawat Perancis, minggu ini.